



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERKHIDMATAN CEMERLANG
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH 2017**

**DEWAN D2, MAEPS,
SERDANG**

**5 DAN 6 FEBRUARI 2018
WAKTU KETIBAAN: 9.30 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahiim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh Salam Sejahtera Dan Salam
Negeraku Malaysia

SALUTASI SEWAJARNYA

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub

Timbalan Menteri

Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

YBhg Datuk Borhan bin Dolah

Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pembangunan)

YBrs. Pn Hj Norison Binti Ramli

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Dasar)

YBhg Dato' Sollehuddin Alyubi Bin Zakaria

Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan),

YBhg Dato'-Dato' Ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif dan
Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah KKLW,

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian, Rakan-rakan media

Para Penerima Pingat dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 yang diraikan

Seterusnya Warga Kementerian dan Agensi, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada Majlis Perkhidmatan Cemerlang KKLW bagi Tahun 2017.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah sudi menjemput saya untuk hadir dan seterusnya menyempurnakan majlis pada pagi ini.

3. Sesungguhnya kehadiran dan komitmen semua pada hari ini jelas menunjukkan bahawa kita adalah satu keluarga, bergerak dan bekerja bersama-sama dalam memastikan misi dan visi Kementerian dapat dicapai. Wadah pertemuan yang sebegini amatlah baik dan wajar dimanfaatkan sepenuhnya sebagai platform untuk kita berinteraksi, serta saling kenal mengenali di antara satu sama lain di bawah satu keluarga besar KKLW selain menghargai mereka yang dipilih menerima anugerah.

4. Seperti tahun lepas, penganjuran Majlis Perkhidmatan Cemerlang KKLW tahun 2017 ini melibatkan kerjasama semua Jabatan dan Agensi di bawah KKLW yang dilaksanakan secara berpusat dan melibatkan 3 (tiga) zon iaitu Zon Semenanjung, Zon Sarawak dan Zon Sabah.

5. Saya percaya kerjasama sebegini mampu meningkatkan persefahaman di antara KKLW, Jabatan dan Agensi dan mengelakkan kerja bersendirian (working in silo) dalam merealisasikan matlamat utama Kementerian iaitu “Membandarkan Luar Bandar”.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,

6. Kerajaan sentiasa komited dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam dengan menyediakan pelbagai anugerah atau ganjaran. Melalui majlis sebegini, saya berharap ia dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk terus memberikan komitmen dan daya usaha untuk mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi. Ini sekali gus menjadikan perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai perkhidmatan yang relevan dan diyakini oleh rakyat, serta menepati kehendak dan ekspektasi mereka.

7. Pada majlis yang dianjurkan ini, pegawai-pegawai yang telah disaring akan menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). P.P.C dianugerahkan kepada penjawat awam yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam prestasi kerja dan aktiviti atau sumbangan di luar tugas rasmi dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir selain memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan manakala APC pula dianugerahkan kepada penjawat awam yang telah menunjukkan prestasi cemerlang pada tahun penilaian 2017.

8. Untuk makluman semua enam (6) orang pegawai yang berkhidmat di Jabatan dan Agensi di bawah KKLW telah dipilih oleh Kerajaan untuk menerima P.P.C bagi tahun 2016. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan

setinggi-tinggi tahniah kepada enam (6) penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016 iaitu:-

- a) Puan Nor Aiza binti Abdul Rahman
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44
Bahagian Teknologi Maklumat, KKLW;
- b) Puan Fuziah binti Md Yusof
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah, KKLW;
- c) Puan Asmah binti Ahmad Hambadley
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG48
MRSM Pasir Salak, MARA;
- d) Encik Mussimar bin Berto
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG44
MRSM Kota Kinabalu, MARA;
- e) Encik Mohd Yazid bin Mohd Shariff
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41
MRSM Bentong, MARA; dan
- f) Puan Noraini binti Samat
Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S38
Pejabat KEMAS Negeri Melaka.

9. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada dua ribu lapan ratus lapan puluh sembilan (2,889) warga cemerlang KKLW yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, pihak kementerian buat pertama kalinya telah bersetuju untuk mengiktiraf seramai sepuluh (10) orang Pengurus Mini RTC yang bertaraf kontrak di seluruh negara yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang menerima APC pada tahun ini. Saya percaya pengiktirafan sebegini akan dijadikan sebagai galakan malahan menjadi penyuntik semangat dan inspirasi kepada rakan-rakan lain untuk bekerja dengan lebih komited dan terus meningkatkan mutu perkhidmatan kerja yang berkualiti tinggi.

PENGHARGAAN KERAJAAN KEPADA PENJAWAT AWAM

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

10. Kerajaan tidak pernah mengabaikan penjawat awam kerana setiap tahun ada saja penghargaan dan penambahbaikan yang diberikan oleh kerajaan kepada tuan-

tuan dan puan-puan. Melalui ucapan Bajet 2018, Perdana Menteri telah mengumumkan:-

- (a) Pemberian Bayaran Khas sebanyak RM1,500 kepada semua mereka yang layak.
- (b) Kenaikan Pangkat Time-Based Kali Kedua Bagi Kumpulan Pelaksana Untuk Tempoh 13 Tahun, Selepas Kenaikan Kali Pertama;
- (c) Kemudahan Cuti Tanpa Rekod sebanyak 10 hari Bagi Menunaikan Umrah;
- (d) Kemudahan Cuti Bersalin Selama 360 hari Kepada Penjawat Awam Wanita berbanding 300 hari sebelum ini;
- (e) Kebenaran pulang awal 1 jam kepada pegawai wanita mengandung 5 bulan ke atas dan pasangan (penjawat awam);
- (f) Membenarkan Gantian Cuti Rehat (GSR) Melebihi 150 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan; dan
- (g) Penambahbaikan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) bermula 9 pagi hingga 6 petang.

11. Saya percaya inisiatif-inisiatif ini mampu meningkatkan lagi motivasi penjawat awam dalam mencapai objektif yang digariskan oleh kerajaan.

PENCAPAIAN 2017 DAN HARAPAN TAHUN 2018

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

12. Alhamdulillah, berkat daripada hasil perancangan dan usaha gigih semua pihak, pada tahun 2017 kita bukan sahaja telah berjaya melepasi sasaran pelaksanaan projek-projek prasarana, malahan turut cemerlang dalam pelaksanaan program-program touch points meliputi pembangunan belia, ekonomi, modal insan, keusahawan, sistem penyampaian dan program-program peningkatan pendapatan yang dapat mengurangkan beban kos sara hidup masyarakat dan belia luar bandar selari dengan motto 'Membandarkan Luar Bandar' yang kita gunakan.

13. Seperti mana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, tahun 2018 merupakan tahun yang penting bagi kerajaan. Ini kerana pada tahun ini, rakyat akan menilai hasil kerja yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan sekurang-kurangnya untuk lima (5) tahun sebelum ini.

14. Oleh yang demikian, berbekal peruntukan tahun 2018 sebanyak RM9.48 billion, di mana RM5.61 billion untuk belanja mengurus dan RM3.87 billion untuk belanja pembangunan, Kementerian akan meneruskan inisiatif Transformasi Luar Bandar dengan menekankan dan memperbanyakkan projek-projek quick win dan touch point. Ini bagi membolehkan kesannya dinikmati oleh rakyat dengan cepat. Saya juga telah mengarahkan semua projek-projek tersebut dimulakan selewat-lewatnya pada bulan Februari 2018.

REVOLUSI INDUSTRI KE-4

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

15. Pada hari ini kita sedang bercakap dan berbincang tentang Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0). Hal ini kerana evolusi perkembangan teknologi ini dijangka memberi impak besar kepada sektor pekerjaan dalam pelbagai industri dan individu di semua peringkat.

(Sumber : Utusan Malaysia, 16 Januari 2018).

Namun persoalan hari ini apakah kita sudah bersedia menghadapi perubahan-perubahan yang akan dibawa kesan dari revolusi industri ke-4 ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

16. Transformasi yang dipacu oleh revolusi industri ke-4 melibatkan perubahan besar dalam teknologi maklumat, teknologi komunikasi dan budaya perniagaan baru yang akan meruntuhkan sempadan geografi yang ada hari ini. Kementerian ini juga tidak dapat lari dari hakikat revolusi ini. Saya yakin, dengan usaha dan kreativiti serta kerjasama yang jitu daripada semua warga KKLW serta agensi di bawahnya, kita mampu berdiri kukuh mendepani cabaran ini.

17. Kita tidak nafikan, usaha Kementerian hari ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada masyarakat luar bandar dalam bentuk infrastruktur dan peluang-peluang perniagaan. Lebih dari itu, Kementerian telah menjadi platform kepada masyarakat luar bandar dalam menghadapi perubahan revolusi industri ke-4.

18. Inisiatif yang dilaksanakan contohnya, Desamall Online KKLW memberi ruang dan peluang kepada usahawan luar bandar dalam memasarkan produk-produk mereka yang berkualiti tinggi melalui perniagaan dalam talian iaitu seperti 11street. Kita jangkakan akan lebih ramai lagi usahawan luar bandar yang akan turut menceburi bidang perniagaan dalam talian dan saya percaya ini merupakan langkah penting supaya usahawan luar bandar dapat meneroka industri ekonomi digital seterusnya menjuarai cabaran revolusi industri ke-4.

ETIKA MEDIA SOSIAL

19. Media sosial merupakan nadi utama dalam sistem berkomunikasi di kalangan pentadbir awam pada hari ini. Ini kerana penjawat awam amnya, telah menjadikan platform media sosial seperti Whatsapp, Instagram dan Facebook sebagai medium pilihan mereka untuk berkomunikasi bagi melaksanakan tugas yang diberi.

20. Pada hari ini media sosial sudah boleh dikategorikan sebagai medium utama penyebaran maklumat berbanding medium tradisional seperti surat khabar, radio mahu pun televisyen. Banyak program-program dan projek-projek kementerian mahu pun kerajaan yang telah dan akan dilaksanakan boleh diwar-warkan kepada masyarakat melalui medium seperti ini dengan kos yang lebih rendah.

21. Saya juga dapati sesetengah berita negatif menjadi viral di media sosial adalah disebabkan pengguna tidak mendapat maklumat yang tepat dan kurangnya peranan pegawai-pegawai menggunakan media sosial untuk menangkis berita negatif tersebut. Oleh yang demikian besarlah harapan saya agar tuan/puan mendapatkan berita yang sahih daripada sumber maklumat yang betul seperti dengan *like* berita di media sosial KKLW dan agensi-agensinya dan *share* kepada rakan-rakan media sosial yang lain. Dalam masa yang sama tuan/puan janganlah pula menjadi ejen penyebar kepada berita palsu yang mampu memburukkan imej diri sendiri, Kementerian dan seterusnya negara.

22. Sebagai penjawat awam yang bijak, seharusnya kita menjadikan media sosial sebagai instrumen yang membantu memberikan perkhidmatan berkesan dan berkualiti kepada rakyat. Di samping itu, kesedaran tentang etika dapat membendung penyebaran maklumat palsu yang sememangnya memberi kesan negatif kepada imej dan reputasi kerajaan dan negara.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

23. Sebagai mengakhiri ucapan saya pada hari yang amat bermakna ini, sekali lagi TAHNIAH dan SYABAS saya ucapkan kepada semua penerima P.P.C dan APC sempena majlis ini. Pesanan saya, kekalkanlah momentum kecemerlangan dan standard yang telah berjaya dicapai malah sentiasalah berusaha mempertingkatkan lagi kecemerlangan anda. Saya berdoa semoga dinamik kejayaan anda semua tidak akan terhenti di sini.

24. Saya juga mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa kerja majlis dan individu yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis kita selama dua hari berturut-turut ini.

25. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perkhidmatan Cemerlang KKLW bagi tahun 2017.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Terima kasih.